



CURI PERHATIAN... Aktiviti menarik yang ditawarkan kepada kanak-kanak pada AnimEX 6.0 sempena Konvokesyen UPM di Kampus Bintulu, baru-baru ini.

Dekati dunia fauna melalui AnimEX 6.0

BINTULU: Program AnimEX 6.0 sempena Majlis Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) Ke-48, Sidang 1 di Kampus Bintulu di sini baru-baru ini menampilkan pelbagai aktiviti untuk mendekatkan komuniti dengan dunia fauna.

Menurut satu kenyataan daripada UPMKB, program yang merupakan kesinambungan daripada Animal Exhibition itu bertujuan merapatkan jurang antara manusia dan haiwan dalam kehidupan seharian.

Pelajar kursus QKK2101 Bakti Siswa Kumpulan 1 dan 2, Semester Pertama, Sesi Akademik 2024/2025, mengambil inisiatif

menganjurkan Program 'THE BAKSIS Day' Putra Bakti@AnimEX 6.0 di bawah bimbingan fasilitator, Mohammad Saufi Mohammad Ramli dan Roslan Ismail.

Mohammad Saufi berkata, program tersebut berteraskan konsep 'Farm and Pet Care Education' yang berfungsi sebagai platform untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan melindungi haiwan.

Beliau berharap aktiviti yang dijalankan dapat mengurangkan kes kekejaman terhadap haiwan melalui pendekatan pendidikan.

Antara aktiviti adalah ceramah 'Human and Animal Talk' dan program vaksinasi haiwan yang

dikendalikan oleh Dr. Siti Nurhani Arib.

Aktiviti lain termasuk sesi melukis wajah haiwan dan permainan mendidik yang diadakan untuk mengukuhkan pemahaman pengunjung tentang haiwan.

AnimEx Explorace menjadi acara kemuncak program, menawarkan pertandingan bercerita dan mewarna untuk kanak-kanak berusia dua hingga 12 tahun.

Sementara itu, Roslan Ismail berkata bahawa pameran haiwan ternakan yang turut diadakan memberi peluang kepada pengunjung, khususnya golongan kanak-kanak, untuk berinteraksi secara langsung dengan haiwan.